



## BULI SIBER: ANALISIS UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA

### CYBERBULLYING: ANALYSIS OF LAWS IN MALAYSIA

Ahmad Shamsul Abd Aziz<sup>1\*</sup>, Nor Azlina Mohd Noor<sup>2</sup>, Ani Munirah Mohamad<sup>3</sup>, Yusramizza Md Isa@Yusuff<sup>4</sup>, Huda Ibrahim<sup>5</sup>, Osman Ghazali<sup>6</sup>, Ahmad Nabhan Harraz Zulkifli<sup>7</sup>

<sup>1</sup> School of Law, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: sham@uum.edu.my

<sup>2</sup> School of Law, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: norazlyna@uum.edu.my

<sup>3</sup> School of Law and Centre for Testing, Measurement and Appraisal (CeTMA), Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: animunirah@uum.edu.my

<sup>4</sup> School of Law and Asian Research Institute for Corporate Governance (ARICG), Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: yusramizza@uum.edu.my

<sup>5</sup> School of Computing and Institute for Advanced and Smart Digital Opportunities (IASDO), Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: huda753@uum.edu.my

<sup>6</sup> School of Computing and Institute for Advanced and Smart Digital Opportunities (IASDO), Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: osman@uum.edu.my

<sup>7</sup> M/s Sim & Rahman (Advocates & Solicitors), Setia Alam, Shah Alam, Selangor, Malaysia  
Email: ahmadnabhanharraz@gmail.com

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 27.07.2022

Revised date: 15.08.2022

Accepted date: 18.08.2022

Published date: 09.09.2022

##### To cite this document:

Abd Aziz, A. S., Noor, N. A. M., Mohamad, A. M., Yusuff, Y. M. I., Ibrahim, H., Ghazali, O., & Zulkifli, A. N. H. (2022). Buli Siber: Analisis Undang-Undang Di Malaysia. *International Journal of Law*,

#### Abstrak:

Perkembangan teknologi telah menjadikan komputer dan jaringan sosial sebagai daripada kehidupan masyarakat. Walaupun perkembangan teknologi ini banyak memberikan kesan positif kepada pembangunan negara, teknologi juga telah menjadi suatu medium perlakuan buli alaf baru iaitu buli siber. Buli siber ini boleh didefinisikan sebagai penggunaan komunikasi berdasarkan teknologi dengan niat untuk mengganggu orang lain daripada segi psikologi secara berulang-ulang yang boleh menjatuhkan imej dan peribadi mangsa buli. Perlakuan ini termasuklah kata-kata kejian, penyiaran maklumat peribadi tanpa kebenaran dan banyak lagi dan ia memberikan kesan negatif kepada mangsa. Ia bukan sahaja boleh menyebabkan mangsa kehilangan jati diri tetapi boleh membawa kepada kejadian bunuh diri. Walaupun, berlaku peningkatan kes buli siber seperti yang dilaporkan oleh UNICEF dan IPSOS yang mana kes buli siber ini memberikan implikasi negatif yang besar,

*Government and Communication*, 7 (29), 276-284.

DOI: 10.35631/IJLGC.729019.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



sehingga hari ini, tiada undang-undang khusus yang mengawal selia perlakuan buli siber di Malaysia. Oleh itu artikel ini ditulis dengan tujuan untuk menganalisis undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan buli siber di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan undang-undang doktrinal dalam bentuk kajian perpustakaan. Data diperoleh daripada analisis yang dibuat ke atas beberapa peruntukan undang-undang yang terdapat di Malaysia dan jurnal-jurnal yang berkaitan. Artikel ini merumuskan bahawa terdapat undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan perlakuan buli siber tetapi ia terkandung dalam pelbagai undang-undang. Dalam mengawal selia perlakuan buli siber yang semakin berleluasa ini, wujud satu keperluan yang mendesak untuk menggubal peruntukan khusus yang berkaitan dengan buli siber.

#### Kata Kunci:

Buli, Buli Siber, Undang-undang, Teknologi, Malaysia.

#### Abstract:

Technological advancements have embedded computers and social networks into the lives of the community. Although such advancements have contributed positively to the nation's development, technology has become a medium for bullying in the new millennium, known as cyberbullying. Cyberbullying can be defined as using technology-based communication with the intention to psychologically harass others repeatedly that could downgrade the image and identity of the bullying victim. Such actions include hateful words, broadcast of private information without permission and many others, and it gives negative impact to the victims. Not only cyberbullying could cause the victims to lose their self-identity, it could also be suicidal. Even though there is increase in cyberbullying cases as reported by UNICEF and IPSOS in which cyberbullying cases result in severe negative consequences, todate, there is no specific law in Malaysia that regulates cyberbullying. Therefore, this article aims to analyse the existing laws relating to cyberbullying in Malaysia. This study adopted the doctrinal legal approach of library-based research. Data was obtained from analysis made on several legal provisions available in Malaysia and other related journals. This article concludes that there are existing laws related to cyberbullying, but they are contained in various laws. Accordingly, there is an urgent need to legislate a specific regulation relating to cyberbullying in order to regulate this increasingly common cyberbullying activity.

#### Keywords:

Bullying, Cyberbullying, Law, Technology, Malaysia

## Pengenalan

Perkembangan teknologi telah menjadikan komputer dan jaringan sosial sebahagian daripada kehidupan masyarakat. Perkembangan teknologi ini telah memberikan kesan positif kepada pembangunan negara. Secara tidak langsung, ia juga telah melahirkan media alternatif, iaitu media sosial yang berfungsi menerusi capaian Internet. Justeru, masyarakat tidak hanya bergantung kepada media tradisional seperti media cetak dan elektronik untuk mendapatkan maklumat serta berkomunikasi (Aziz, Noor & Mohamed, 2020). Menerusi Internet khususnya media sosial, seseorang individu lebih mudah untuk meluahkan apa yang ingin disampaikan. Sifat ketanpanamaan (anonymity) yang wujud dalam media sosial juga bertindak sebagai perisai daripada individu dikenali oleh khalayak (Rowbottom, 2018).

Walau bagaimanapun, dengan kewujudan media sosial, ia telah mewujudkan pelbagai permasalahan dalam bentuk baru. Teknologi moden adalah ibarat pedang bermata dua, kebaikannya memberi peluang kepada perkembangan komunikasi tetapi pada masa yang sama ia boleh membawa kepada masalah sosial seperti buli siber (Ramli, 2021). Perbuatan buli telah wujud sejak sekian lama, cuma kewujudannya di medium Internet digambarkan menjadi sukar untuk dikawal.

Keseriusan masalah buli siber di Malaysia dapat dilihat menerusi statistik yang dikeluarkan oleh organisasi-organisasi antarabangsa. Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) melaporkan bahawa Malaysia berkedudukan tempat kedua di rantau Asia mengenai buli siber khususnya dalam kalangan remaja (Xiang, 2020). Manakala laporan daripada Ipsos Public Affairs (2018) menunjukkan bahawa tren buli siber semakin meningkat di Malaysia dan insiden ini paling kerap berlaku menerusi media sosial.

Sungguhpun peningkatan kes buli siber seperti yang dilaporkan oleh UNICEF dan Ipsos Public Affairs ini memberikan implikasi negatif yang besar, namun tiada undang-undang khusus berkaitan buli siber di Malaysia. Namun, terdapat beberapa peruntukan yang boleh digunakan bagi kesalahan buli termasuk buli siber. Apa juga peruntukan undang-undang yang mengawal selia kesalahan di luar alam siber masih terpakai juga di dunia siber (Guan et.al, 2020).

### **Metodologi kajian**

Artikel ini dihasilkan menerusi suatu kajian undang-undang doktrinal dalam bentuk kajian perpustakaan. Data diperoleh daripada analisis yang dibuat ke atas beberapa peruntukan undang-undang yang terdapat di Malaysia dan jurnal-jurnal yang berkaitan. Yaqin (2008) menyatakan bahawa kajian perpustakaan merupakan kaedah asas kepada penyelidikan undang-undang. Penyelidikan undang-undang mengaplikasikan penelitian sistematis terhadap peningkatan pengetahuan undang-undang (Abdullah, 2018). Analisis data dibuat untuk melihat kepada permasalahan buli siber serta undang-undang yang berkaitan dengannya.

### **Buli dan Buli Siber**

Konsep buli boleh diterjemahkan sebagai pengulangan penindasan psikologi atau fizikal oleh seseorang atau kumpulan yang lebih berkuasa terhadap pihak yang lemah. Perlakuan ini antara lain adalah bertujuan untuk menggertak, mencederakan atau menakutkan mangsa (Ngatiran & Manap, 2020). Manakala Kamaluddin et.al (2019) pula menyatakan bahawa perbuatan buli seharusnya mempunyai elemen-elemen seperti perbuatan tersebut dilakukan dengan niat, ia harus dilakukan secara berulang, wujudnya ketidakseimbangan kuasa antara pembuli dan mangsa, bermotifkan agresif serta tingkah laku yang tidak diduga oleh mangsa.

Sehingga kini, tiada tafsiran undang-undang mengenai maksud buli serta buli siber dalam mana-mana statut di Malaysia. Menurut Ramli (2021) buli siber boleh didefinisikan sebagai penggunaan komunikasi berdasarkan teknologi dengan niat untuk mengganggu orang lain daripada segi psikologi secara berulang-ulang yang boleh menjatuhkan imej dan peribadi mangsa buli. Perlakuan ini termasuklah kata-kata kejian, penyiaran maklumat peribadi tanpa kebenaran dan banyak lagi serta ia memberikan kesan negatif kepada mangsa. Secara umumnya, perbuatan buli yang dilakukan di alam maya itulah yang dikatakan sebagai buli siber.

Kowalski et.al (2012) menyatakan bahawa buli siber merupakan buli elektronik dan ia berlaku menerusi hantaran teks melalui telefon bimbit dan e-mel, pesanan ringkas, ruang sembang atau

laman sesawang yang mengandungi hantaran perkataan atau gambar yang boleh membahayakan seseorang. Gejala buli merupakan suatu tingkah laku yang melanggar norma masyarakat. Secara umumnya, buli merupakan tingkah laku agresif yang ditujukan kepada individu atau sekumpulan individu oleh seseorang atau sekumpulan individu dengan niat untuk menyakitkan atau mencederakan mangsa (Kamaluddin et.al, 2019). Menurut Mokhlis (2019), perbuatan buli siber yang berlaku di medium tanpa sempadan adalah lebih dahsyat daripada kejadian buli yang lain. Ini adalah kerana, ia boleh berlaku dalam keadaan tanpa diketahui siapakah pelakunya. Penyebab kepada berlakunya buli adalah didorong oleh keperibadian seseorang pembuli itu serta faktor persekitaran (Aminuddin, 2020).

### **Buli Siber dan Undang-undang**

Mekanisme perundangan bagi menangani perilaku masyarakat di Internet perlu ada bagi mengawal selia setiap perlakuan tersebut (Ngatiran & Manap, 2020). Namun, bagi kesalahan buli siber, aplikasi seperti media sosial yang menggunakan jaringan Internet hanyalah satu cara atau kaedah untuk melakukan kesalahan buli. Secara umumnya, perbuatan buli itu sudah sekian lama wujud.

Peruntukan kesalahan menerusi Internet ini terbahagi kepada dua iaitu kategori pertama yang merujuk kepada peruntukan kesalahan khusus yang menetapkan kesalahan hendaklah dilakukan secara dalam talian sepetimana peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Manakala kategori kedua ialah kesalahan yang dilakukan dengan menggunakan Internet atau media sosial sebagai cara untuk melakukan kesalahan (Zakaria, M.S & Baharudin, A.H, 2021). Sebagai contoh, kesalahan pemerasan merupakan perbuatan jenayah yang termaktub di bawah Kanun Keseksaaan. Namun, kesalahan ini menggunakan media sosial dan akibatnya, perbuatan ini mendatangkan ketakutan kepada mangsa. Justeru, peruntukan di bawah Kanun Keseksaaan tersebut masih terpakai.

Buli siber boleh wujud dalam tujuh keadaan menurut Willard (2007) yang merangkumi perbuatan dan hantaran menerusi Internet seperti mengapi-apikan (pergaduhan dalam talian), gangguan serta intipan, penghinaan, penyamaran, menyisihkan (sengaja mengetepikan mangsa dari mengambil bahagian dalam sesuatu kumpulan), mengeluarkan (pembuli sengaja dedahkan maklumat peribadi mangsa) dan secara tipu muslihat. Sungguhpun tiada undang-undang khusus mengenai buli siber di Malaysia, undang-undang tersedia daripada pelbagai akta mempunyai peruntukan yang mungkin boleh digunakan dalam jenis-jenis kesalahan buli siber seperti berikut:

#### ***Mengapi-apikan (Flaming)***

Perbuatan mengapi-apikan ini termasuklah tingkah laku melibatkan pergaduhan di media sosial, mengeluarkan kenyataan yang biadab serta hantaran mesej bersifat provokatif dalam talian. Menurut Kamaluddin et.al (2019), perbuatan mengapi-apikan ini merujuk kepada hantaran mesej atau komen yang kurang sopan, berbaur luah atau berunsur kemarahan tentang seseorang individu dalam sesuatu kumpulan dalam talian atau sasarannya melalui e-mel atau mesej teks. Undang-undang yang bersesuaian dalam menangani perbuatan ini adalah:

#### ***Akta Komunikasi dan Multimedia 1998***

Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 merupakan peruntukan utama dalam kesalahan dalam talian yang dilakukan oleh seorang individu terhadap pihak lain. Di bawah seksyen 233(1)(a), peruntukan ini menyebut:

“...dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar— (i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan (ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasi lain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiaya, mengugut atau mengganggu orang lain “

Lima kesalahan utama di bawah peruntukan ini termasuklah membuat hantaran suatu mesej dalam talian yang mengandungi unsur-unsur lucah, sumbang, palsu, mengancam serta jelik. Perbuatan mengapi-apikan turut terjumlah kepada kesalahan yang termaktub di bawah peruntukan ini.

### ***Akta Fitnah 1957***

Suatu tindakan seperti hantaran yang mengapi-apikan sesuatu perkara boleh diambil tindakan di bawah Akta Fitnah 1957 jika hantaran tersebut dikategorikan sebagai fitnah sivil. Ia merujuk kepada perbuatan-perbuatan merendahkan diri seseorang di mata segolongan masyarakat atau masyarakat umum, menyebabkan seseorang tersebut dicemuh, dihina, dibenci atau dikeji, merosakkan reputasi diri seseorang dalam mana-mana jawatan, profesion atau perniagaan atau merosakkan kredibiliti seseorang (Noor, Aziz & Ahmad, 2020). Seksyen 7 Akta Fitnah 1957 telah mengehadkan kebebasan seseorang daripada melakukan perbuatan fitnah kepada pihak lain.

### ***Kanun Keseksaan***

Selain daripada saman sivil (saman fitnah), kesalahan fitnah juga merupakan suatu perbuatan jenayah dan tindakan boleh diambil menerusi seksyen 499 Kanun Keseksaan. Seksyen ini memperuntukkan mengenai kesalahan fitnah jenayah. Secara umumnya, peruntukan ini menyatakan bahawa jika mana-mana individu membuat atau menerbitkan sebarang kenyataan tidak benar yang akan atau boleh merosakkan reputasi orang lain, serta ditulis atau disebarluaskan dengan niat jahat, adalah melakukan satu kesalahan jenayah fitnah. Justeru, sekiranya perbuatan mengapi-apikan turut mengandungi elemen fitnah, suatu tindakan sivil atau jenayah boleh dikenakan terhadap pihak yang melakukan perbuatan tersebut.

### ***Gangguan dan Intipan (Harassment and Stalking)***

Perbuatan gangguan ini merujuk kepada perbuatan menghantar mesej yang memiliki unsur-unsur serangan secara berulang dalam talian kepada mangsa buli siber manakala intipan pula merupakan gangguan dalam talian yang memiliki unsur ancaman serta menakutkan. Undang-undang yang berkaitan bagi kesalahan ini termasuklah:

### ***Akta Komunikasi dan Multimedia 1998***

Perbuatan gangguan atau intipan merupakan suatu yang mengancam mangsa dengan niat untuk mengganggu dan perlakuan ini merupakan suatu kesalahan menurut seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 seperti mana dibincangkan sebelum ini. Gangguan dan intipan turut jatuh dalam ruang lingkup peruntukan yang sama.

### ***Kanun Keseksaan***

Perbuatan melakukan gangguan atau intipan boleh terjumlah kepada suatu kesalahan menakutkan mangsa secara jenayah. Seksyen 503 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

Barang siapa mengugut hendak mendatangkan kepada seseorang apa-apa bencana kepada tubuh, nama baik atau harta orang itu, atau kepada kepentingan, dengan niat hendak menyebabkan kegentaran kepada orang itu, atau hendak menyebabkan orang itu melakukan apa-apa perbuatan

yang ia tidak terpaksa di sisi undang-undang melakukan, atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa perbuatan yang ia berhak di sisi undang-undang melakukan, sebagai jalan bagi mengelakkan pelaksanaan ugutan itu, adalah melakukan kesalahan menakutkan secara jenayah.

Justeru, perbuatan gangguan atau intipan secara umumnya memenuhi elemen utama bagi kesalahan ini iaitu menakutkan mangsa buli. Selain itu, sekiranya suatu gangguan itu disertakan dengan perkataan yang bermaksud untuk mengaibkan kehormatan mangsa buli, maka tindakan di bawah seksyen 509 Kanun Keseksaan juga boleh diambil. Peruntukan ini menyebut:

Barang siapa dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya isyarat atau benda itu dilihat oleh seseorang itu, atau mengganggu kesantunan seseorang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.

### ***Akta Kerja 1955***

Sekiranya suatu gangguan yang dilakukan kepada mangsa buli siber dalam persekitaran tempat kerja dan bersifat gangguan seksual. Bahagian XVA Seksyen 81G memperuntukkan bahawa undang-undang ini terpakai kepada semua pekerja tanpa mengira gaji seperti mana yang termaktub di dalam Akta Kerja 1955. Selain itu, di dalam Seksyen 81B turut menyatakan bahawa majikan perlu untuk mengambil tindakan atas sebarang aduan yang dibuat berkenaan gangguan seksual. Sebagai tambahan, mengikut Seksyen 81F, adalah merupakan suatu kesalahan sekiranya majikan gagal menjalankan siasatan berkenaan sebarang aduan mengenai gangguan seksual dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi 10 ribu ringgit (Rahman & Pauzi, 2018).

### ***Penghinaan (Denigration)***

Perbuatan ini melibatkan perbuatan menghantar komen yang berbahaya, tidak benar atau keji mengenai mangsa buli siber kepada pihak lain. Tindakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 boleh diambil ke atas pembuli iaitu pihak yang membuat hantaran komen tersebut.

### ***Akta Komunikasi dan Multimedia 1998***

Perbuatan menyebarkan sesuatu perkara yang palsu dan jelik dalam talian mengenai seseorang adalah merupakan suatu kesalahan dan ianya tertakluk di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

### ***Penyamaran (Impersonation)***

Penyamaran dalam konteks kesalahan buli siber merujuk kepada pihak lain menyamar sebagai mangsa buli siber dan membuat hantaran atau memuat naik sebarang komen, gambar atau pernyataan yang akan menjatuhkan maruah mangsa. Selain daripada kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Kanun Keseksaan sebagaimana yang diperbincangkan sebelum ini, kesalahan ini juga boleh dirujuk kepada peruntukan tertentu di bawah Akta Hak Cipta 1987 dan Akta Jenayah Komputer 1997.

### ***Akta Hak Cipta 1987***

Di bawah peruntukan seksyen 36B(1)(a) Akta Hak Cipta 1987 memperuntukkan bahawa:

Tiada seorang pun boleh menanggalkan atau mengubah apa-apa maklumat pengurusan hak elektronik tanpa kebenaran

Peruntukan ini berkaitan dengan mengubah maklumat pengurusan hak pada sesuatu bahan dalam talian. Sebagai contohnya, sesuatu artikel yang mungkin ditulis oleh pihak lain berkaitan sesuatu yang tidak baik kandungannya, pembuli siber dengan sengaja menukar nama pengarang asal kepada mangsa buli dengan niat untuk memalukannya.

### ***Akta Jenayah Komputer 1997***

Di bawah seksyen 4(1) Akta Jenayah Komputer 1997, adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya seseorang melakukan capaian (akses) tanpa kebenaran kepada bahan dalam komputer dan akhirnya perbuatan ini telah mengakibatkan kesalahan-kesalahan jenayah lain seperti yang termaktub di bawah Kanun Keseksaan. Perbuatan seperti mengambil gambar-gambar mangsa buli menerusi akaun media sosial tanpa kebenaran dan kemudiannya memalukan mangsa seperti menyebarkannya boleh terjumlah kepada kesalahan menurut peruntukan ini.

### ***Menyisihkan (Exclusion)***

Kesalahan ini boleh berlaku kepada mangsa buli sekiranya ada pihak yang melakukan diskriminasi dengan cara biadab terhadap mangsa dalam suatu kumpulan (misalnya dalam kumpulan aplikasi *WhatsApp*). Perbuatan ini akan cenderung kepada perbuatan mengata perkara-perkara buruk mengenai mangsa dalam kalangan ahli yang mungkin membawa kepada perbuatan fitnah atau sebarkan berita-berita palsu mengenai mangsa buli. Selain daripada jenis kesalahan ini boleh dibawa di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Fitnah 1957, undang-undang lain juga turut boleh dilihat khususnya peruntukan-peruntukan umum yang melibatkan komuniti dalam sektor pekerjaan.

### ***Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994***

Menurut seksyen 15(1) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, seorang majikan perlu memastikan setiap pekerjanya bekerja dalam keadaan selamat. Peruntukan ini menyebut:

Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya.

Menerusi peruntukan ini, sekiranya ada para pekerja yang merasakan dirinya dibuli seperti disisihkan dalam kalangan kelompok pekerja, sudah pasti ia akan menimbulkan suasana yang tidak kondusif dan tidak selamat. Justeru, tindakan undang-undang yang diambil menerusi peruntukan ini adalah bersesuaian.

### ***Akta Perhubungan Perusahaan 1967***

Di bawah seksyen 20(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 memperuntukkan:

Jika seseorang pekerja, tidak kira sama ada dia seorang ahli kesatuan sekerja pekerja atau selainnya, dianggap bahawa dia telah dipecat tanpa sebab atau alasan yang munasabah oleh majikannya, dia boleh membuat representasi secara bertulis kepada Ketua Pengarah untuk diambil bekerja semula dalam pekerjaannya dahulu; representasi itu bolehlah dikemukakan di pejabat Ketua Pengarah yang berdekatan dengan tempat pekerjaan di mana pekerja itu telah dipecat.

Peruntukan ini adalah berkaitan dengan pemecatan konstruktif. Sekiranya pekerja yang menjadi mangsa merasakan dirinya dibuli dalam keadaan disisihkan dalam persekitaran pekerjaan, maka mangsa boleh mengambil tindakan menerusi peruntukan ini.

### ***Mengeluarkan (Outing)***

Kesalahan ini merujuk kepada perbuatan mengeluarkan maklumat peribadi mangsa dengan cara menghantar atau memuat naik bahan-bahan tersebut termasuklah disebarluaskan kepada orang lain. Maklumat atau bahan-bahan tersebut sudah tentunya yang bersifat sensitif, memalukan serta terlalu peribadi. Perbuatan ini antara lain adalah seperti membuat tangkapan layar (screenshot) mesej mangsa dengan pembuli dan kemudiannya disebarluaskan kepada pihak lain. Selain daripada tindakan yang boleh diambil di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 berkaitan dengan kandungan mengancam serta di bawah seksyen 4 Akta Jenayah Komputer 1997, undang-undang lain yang boleh dirujuk adalah seperti berikut:

#### ***Akta Hak Cipta 1987***

Seksyen 36A (1) Akta Hak Cipta 1987 adalah berkaitan dengan pemintasan langkah perlindungan teknologi. Seksyen ini memperuntukkan:

Jika suatu langkah perlindungan teknologi dipakai ke atas suatu salinan karya oleh atau dengan kebenaran pemunya hak cipta karya itu, tiada seorang pun boleh memintasi, atau menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang lain untuk memintasi, langkah perlindungan teknologi

Perbuatan buli siber berlaku dalam keadaan pembuli mengambil bahan-bahan peribadi yang terkandung dalam suatu akaun media sosial mangsa yang mempunyai kata laluan. Akaun tersebut digodam serta pintasan langkah perlindungan teknologi dilakukan kepada kata laluan agar ia dapat dipecahkan. Oleh yang demikian, bahan-bahan serta maklumat peribadi mangsa dapat diperoleh dan disebarluaskan dengan niat membuli mangsa.

#### ***Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017***

Mangsa kesalahan buli siber tidak mengenal siapa dan ia boleh berlaku ke atas kanak-kanak. Kesalahan-kesalahan yang melibatkan kanak-kanak ini termasuklah yang berkaitan dengan pornografi seperti penyebaran gambar-gambar luah kanak-kanak. Pornografi kanak-kanak menurut seksyen 4 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 boleh berlaku dalam bentuk visual, audio atau bertulis atau gabungan bentuk visual, audio atau bertulis. Justeru, dengan kecanggihan teknologi terkini serta kemajuan Internet, gambar-gambar luah ini lebih mudah untuk disebarluaskan.

### ***Tipu-muslihat (Trickery)***

Perbuatan tipu-muslihat ini adalah merujuk kepada penggunaan identiti mangsa untuk membuat apa-apa hantaran menerusi Internet. Perbincangan mengenai kesalahan ini adalah sama seperti perbincangan berkaitan penyamaran sebelum ini. Justeru, undang-undang yang boleh diguna pakai juga adalah serupa.

### ***Kesimpulan***

Terdapat undang-undang sedia ada yang boleh dikaitkan dengan perlakuan buli siber. Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan ini terkandung dalam pelbagai statut. Pentakrifan daripada segi undang-undang mengenai apakah yang dikatakan sebagai buli siber amat kritikal bagi memudahkan penentuan sama ada suatu kesalahan itu wujud atau sebaliknya. Segala elemen berkaitan kesalahan buli siber perlu diterjemahkan dalam suatu bentuk undang-undang yang khusus. Justeru, dalam mengawal selia perlakuan buli siber yang semakin berleluasa ini, wujud satu keperluan yang mendesak untuk menggubal peruntukan khusus yang berkaitan dengan buli siber.

## Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang dibiayai oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah *Digital Society Research Grant (DSRG)*.

## Rujukan

- Abdullah, N.C. (2018). *Legal research methodology*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell.
- Aminuddin, M. (2020). *A practical approach to workplace sexual harassment and bullying*. Selangor: CLJ Publication.
- Aziz, A.S.A, Noor, N.A.M & Mohamed, K. (2020). Keperluan dalihan kepentingan awam dalam undang-undang hak cipta di era teknologi maklumat. *International Journal of Law, Government and Communication* 5, no.19: 107-117.
- Guan, S.T, Han, L.T, Chearn, L.J & Lun, L.M. (2020). *Undang-undang media di Malaysia*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell.
- Ipsos Public Affairs (2018). “Global views on cyberbullying”, capaian April 9, 2021, <https://www.ipsos.com/en/global-views-cyberbullying> accessed 27 September 2020.
- Kamaluddin, M.A, Shaari, A.H, Wahab, S & Sabramani, V. (2019). *Buli siber: Suatu bencana sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kowalski, R.M., Limber, S.P. & Agatston, P.W. (2012). *Cyberbullying: Bullying in the digital age*, Ed ke 2, West Sussex, UK: Wiley-Blackwell.
- Mokhlis, S (2019). Buli siber dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Satu penerokaan awal. *Jurnal Dunia Pendidikan*.1(2): 7-18.
- Ngatiran, N dan Manap, N.A (2020). *Pengawalseliaan perilaku netizen dalam media sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor, N.A.M, Aziz, A.S.A, & Ahmad, R. (2020). Penyalahgunaan media sosial: Kerangka institusi dan undang-undang di Malaysia..*International Journal of Law, Government and Communication* 5, no.18: 57-67.
- Rahman, S & Pauzi, S.F.M (2018). Gangguan seksual di tempat kerja: Timjauan undang-undang. *GADING (online) Journal for Social Sciences* 22: 124-129.
- Ramli, A.N.M.A. (2021). Perundangan Buli Siber di Malaysia dalam *Wacana Polemik Perundangan Transnasional*, pytg. Yusuff, Y.M.I, Aziz, A.S.A dan Noor, N.A.M. Sintok: UUM Press.
- Rowbottom, J. (2018). *Media Law*. Oxford: Hart Publishing.
- Willard, N.E. (2007). *Cyberbullying and cyberthreats: Responding to the challenge of online social aggression, threats and distress*. Illinois: Research Press.
- Xiang, Y.W. (2020). “Malaysia ranks 2<sup>nd</sup> in Asia for cyberbullying among youth,” capaian April 20, 2021, <https://says.com/my/news/malaysia-ranks-2nd-in-asia-for-cyberbullying-among-children>
- Yaqin. A. (2008). *Legal Research and Writing*. Kelana Jaya: LexisNexis.
- Zakaria, M.S. & Baharudin, A.H. (2021). *Kesalahan media sosial: Manual siasatan dan pendakwaan*. Putrajaya: Jabatan Peguam Negara.